

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Krisis kepimpinan UMNO pada 24 April 1987 telah mencetuskan sejarah baru dalam politik tanah air. Perpecahan besar UMNO dan pengharaman parti itu menyebabkan sebahagian besar ahli-ahlinya yang menyokong Tengku Razaleigh bertindak menubuhkan Parti Semangat 46 untuk menentang UMNO (Baru) pimpinan Dr. Mahathir. Kemunculan Semangat 46 telah mencabar kelangsungan UMNO sebagai parti induk, dominan dan mewakili majoriti orang Melayu.

Aliran pertentangan ini pada mulanya bergerak dengan padu dan hebat dan orang Melayu mula mencari parti, selain UMNO, untuk memperjuangkan sebahagian dari kelompok Melayu dan Parti Semangat 46 mula mendapat tempat di kalangan sebahagian orang Melayu. Sekiranya aliran ini berterusan, ia mungkin akan mengancam perpaduan dan masa depan politik orang Melayu seluruhnya. Kemungkinan akan wujud keadaan di mana tiada sebuah pun parti politik Melayu yang benar-benar dapat mewakili orang Melayu seperti yang wujud pada UMNO sebelum perpecahan parti tersebut. Parti Semangat 46 telah mencipta sejarah apabila ia berjaya menyatukan parti-parti pembangkang yang sebelum ini tidak pernah bersatu untuk menentang Barisan Nasional melalui dua perikatan politik yang

kuat iaitu Angkatan Perpaduan Ummah yang menyatukan parti-parti politik Islam dan Gagasan Rakyat yang menyatukan parti-parti politik sekular.

Hubungan di antara Semangat 46 dengan PAS adalah satu perkembangan politik yang sangat menarik dan ia akan menjadi fokus utama kepada kajian ilmiah ini. Semangat 46 berjaya membentuk ikatan kerjasama dan persefahaman yang amat erat dengan PAS yang menjadikan Islam sebagai Ad-Deen dalam perjuangan mereka. Kerjasama ini membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sebagai wadah baru perjuangan politik untuk menyaingi Barisan Nasional. Sejarah kerjasama ini telah menyaksikan beberapa perkembangan yang dicapai oleh kedua-dua parti ini khususnya dalam Pilihanraya Umum 1990 dan kejayaan merampas Kelantan daripada UMNO dan berhasil membentuk sebuah kerajaan campuran.

Walaupun secara keseluruhannya mereka gagal menyaingi pengaruh Barisan Nasional di luar negeri Kelantan, tetapi Semangat 46 dan PAS berjaya mengukuhkan pengaruh mereka di beberapa negeri seperti Terengganu, Kedah dan Perlis. Bagaimanapun, Semangat 46 dan PAS gagal mengekalkan persefahaman dan hubungan kedua-dua parti ini akhirnya menjadi keruh. Walaupun mereka berjaya mengekalkan Kerajaan Kelantan bagi penggal kedua, tetapi dan krisis demi krisis yang melanda akhirnya menyebabkan hubungan dan kerjasama tersebut terputus pada tahun 1996. Semangat 46 akhirnya dibubarkan dan ahlinya kembali menyertai UMNO.

1.2 Objektif Kajian

Pada asasnya, kajian ini mempunyai beberapa matlamat berikut:

1. Mengkaji faktor-faktor yang membawa kepada penubuhan Semangat 46. Kajian akan mengenal pasti samada adakah kewujudan parti ini disebabkan oleh kekecewaan sebilangan ahli-ahli dan pemimpin UMNO yang menentang kepimpinan Dr. Mahathir atau di dorong oleh faktor kelainan ideologi sehingga wujudnya jurang dan perpecahan yang besar di dalam sejarah UMNO.
2. Mempastikan asas-asas yang menyebabkan terbentuknya hubungan dan persefahaman politik di antara Semangat 46 dan PAS. Kerjasama ini adalah sesuatu yang tidak diduga oleh penganalisis politik tanah air tetapi menjadi kenyataan dalam waktu-waktu yang sangat-sangat diperlukan oleh kedua-dua parti ini untuk menentang UMNO (Baru) dan Barisan Nasional. Kajian ini akan cuba memberi penekanan terhadap ciri-ciri dalaman kedua-dua parti ini dan seterusnya faktor-faktor luaran yang membantu wujudnya kerjasama ini khususnya untuk menghadapi Pilihanraya Umum 1990 dan 1995 atau pilihanraya-pilihanraya kecil (*by-election*).
3. Melihat kesan perkembangan kerjasama antara Semangat 46 dan PAS di dalam Kerajaan Kelantan. Kajian ini akan melihat kepada kejayaan kerjasama sehingga mereka berjaya menguasai Kerajaan Kelantan. Secara tidak langsung, hubungan

kedua-dua parti ini dilihat memberi kesan yang positif sebagai "*check and balance*" dalam arus politik tanah air. Kajian juga akan menentukan ciri-ciri hubungan kerjasama dan permasalahan yang wujud dalam pentadbiran Kelantan di antara kedua-dua parti ini.

4. Mengkaji pengaruh hubungan Semangat 46 dan PAS terhadap perkembangan politik Malaysia. Hubungan ini walaupun tidak lama, tetapi ia berjaya memberi isyarat kepada penganalisis politik bahawa tahun 1990 merupakan "*turning point*" dalam mengimbangi dominasi politik Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO. Tumpuan kajian adalah pengaruh yang dicetuskan oleh fenomena hubungan Semangat 46 dan PAS ini samada dari segi positif atau sebaliknya.
5. Melihat krisis yang membawa kepada perpecahan kerjasama antara Semangat 46 dan PAS. Kejayaan kerjasama kedua-dua parti walaupun berpotensi, tetapi telah dikejutkan dengan pelbagai krisis sehingga meretakkan hubungan kedua-dua belah pihak. Kajian akan mengutamakan sebab-sebab yang membawa kepada tercetusnya krisis antara kedua-dua parti tersebut

1.3 Pernyataan Masalah

Perpecahan besar UMNO pada tahun 1987 menjadi satu titik peralihan terhadap perkembangan politik Malaysia. Kemunculan Semangat 46 telah mengubah suasana pergolakan politik semasa. Kajian ini diharapkan akan mampu memperjelaskan tentang faktor-faktor yang membawa kepada kewujudan parti ini. Apakah ia disebabkan oleh faktor penentangan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang kecewa dalam pemilihan pucuk pimpinan itu atau pun di dorong oleh kemunculan ideologi baru dalam UMNO.

Perkembangan politik Malaysia sememangnya agak unik berbanding dengan lain-lain negara demokrasi di dunia ini. Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO telah berjaya menerajui pemerintahan negara ini sejak daripada kemerdekaan sehingga ke hari ini. Kecuali dalam pilihanraya kebangsaan 1969, Barisan Nasional sering mencapai kedudukan yang amat selesa dalam setiap kali diadakan pilihanraya kebangsaan. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa kewujudan parti-parti pembangkang tidak relevan. Andaian ini ternyata tidak tepat berdasarkan kejayaan yang dicapai oleh Semangat 46 dan PAS walaupun ia bersifat sementara dan hanya berjaya di Kelantan sahaja.

Faktor ideologi juga menarik minat pengkaji untuk cuba mendapatkan gambaran sebenar perihal kemampuan Semangat 46 bekerjasama dengan PAS. Dalam mana-mana parti politik, ideologi memainkan peranan penting bagi

mencorakkan kegiatan dan hala tuju parti tersebut, tetapi dalam konteks Semangat 46 dan PAS ini, keadaannya agak berlainan kerana dua pihak yang berlawanan fahaman ini mampu bergerak bersama untuk mengimbangi kekuatan politik yang sedia ada. Ideologi inilah yang akan diberi penekanan untuk melihat kekuatannya sebagai faktor penentu dalam mencorakkan hubungan antara Semangat 46 dan PAS.

Pembubaran Semangat 46 walaupun sudah dapat diramalkan, tetapi memberi tamparan yang hebat kepada pembangkang khususnya. Sehingga kini, tidak dapat dipastikan samada krisis antara PAS dan Semangat 46 atau tekanan-tekanan dari luar yang telah meruntuhkan kerjasama tersebut dan seterusnya menamatkan perjuangan Semangat 46. Seharusnya inilah yang mampu dijelaskan berdasarkan kajian yang dicadangkan ini.

Memandangkan belum ada lagi kajian yang cuba menyelami permasalahan hubungan Semangat 46 dan PAS ini, adalah wajar untuk kajian ini mengupas persoalan tersebut yang bukan sahaja menarik minat penganalisis tempatan, malahan pemerhati politik luar negeri juga turut memberi komen dan pandangan.

1.4 Skop Kajian

Kajian analisa politik ini akan ditumpukan terhadap sepanjang krisis UMNO sehingga kepada kewujudan Semangat 46. Turut termasuk dalam kajian ini adalah kerjasama dan hubungan Semangat 46 dengan PAS dalam pergolakan politik Melayu sekitar tahun 1988 hingga 1996.

Kajian ini juga akan meliputi senario perkembangan politik di Kelantan sebagai kesan daripada hubungan kedua-dua parti ini serta pengaruh hubungan ini dalam perkembangan politik Malaysia khususnya dalam Pilihanraya Umum 1990 dan 1995.

Kajian juga akan menyentuh perkara yang berkaitan dengan krisis di antara semangat 46 dan PAS sehingga terputusnya hubungan tersebut pada tahun 1996 serta pembubaran Semangat 46 dan penyertaan semula ahli-ahlinya ke dalam UMNO.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan dalam kajian sains sosial. Penulis terlebih dahulu menyemak sebanyak mungkin latihan-latihan ilmiah yang mempunyai kandungan yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah ini. Daripada semakan tersebut, penulis akan menentukan sumber-sumber data yang akan diperolehi untuk melengkapkan kajian ini.

Data yang dikumpulkan oleh penulis diperolehi daripada dua sumber iaitu:

1. *Data Primer.*

Data-data ini diperolehi melalui kaedah "*pemerhatian ikut serta*". Penulis melakukan aktiviti temubual secara rasmi dan tidak rasmi dengan ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan, intelektual, pemerhati dan orang awam. Temubual tersebut pada dasarnya berkisar pada soalan-soalan yang ditetapkan oleh pengkaji secara rawak. Rakaman pita suara digunakan bagi tujuan ini dan kemudiannya dialihkan ke dalam bentuk tulisan. Data-data juga diperolehi daripada ceramah-ceramah politik seminar-seminar akademik yang dianjurkan oleh parti-parti politik seperti UMNO, PAS dan pusat-pusat pengajian tinggi.

2. *Data Sekunder*

Penulis mendapatkan data-data sekunder yang banyak diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Kelantan, Perpustakaan Negeri Terengganu dan lain-lain. Data-data ini adalah berupa penyelidikan perpustakaan seperti buku-buku akademik, journal, laporan-laporan media massa dan elektronik. Data-data sekunder ini memberikan sumbangan maklumat yang paling banyak kepada penulis.

Dalam usaha untuk mengkaji data-data tersebut, penulis menggunakan dua pendekatan iaitu yang bercorak "*Diskriptif* " dan "*analisis*". Pendekatan secara diskriptif adalah di mana penulis membuat huraian tentang isu-isu dan peristiwa yang berlaku secara kronologi. Penulis akan cuba mengkaji isu-isu dan peristiwa ini dilakukan dengan penuh objektif dalam bentuk analisis yang komprehensif.

1.6 **Ulasan Bahan**

Sejarah pergolakan politik tanah air yang dicetuskan oleh Semangat 46 pada dekad 1980 dan 1990 adalah merupakan suatu perkembangan politik yang agak baru dan setakat ini, masih belum ada lagi kajian khusus yang telah dilakukan oleh kalangan sarjana khususnya yang menyentuh aspek kerjasama politik di antara Semangat 46 dan PAS secara lebih objektif dan ilmiah. Dalam istilah sains politik, kerjasama parti-parti politik ini di sebut "*permuafakatan politik*" (consociationalism)

sebagaimana dipopularkan oleh Arend Lijphart (1967). Dalam tradisi ilmu politik Islam, ia disebut "*Al-Tafahum al-Siasi*" (persefahaman politik).

Beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam perkembangan politik Malaysia, walaupun secara tidak langsung menyentuh peranan parti Semangat 46 dan PAS, namun kajian-kajian tersebut tidak banyak menyentuh secara lebih objektif dan kritikal terhadap hubungan dan permuafakatan politik di antara kedua parti ini. Umpamanya kajian ilmiah yang dilakukan oleh Mohammad Malikee Shafie (1995) bertajuk "*Parti Melayu Semangat 46: Satu Kajian Terhadap Sumbangannya kepada Demokrasi di Malaysia*", beliau hanya menyentuh peranan yang dimainkan oleh Semangat 46 dalam pergelutan politik Malaysia khususnya dalam Pilihanraya 1990.

Perbincangan beliau hanya berkisar terhadap aspek peranan Semangat 46 dalam menggerakkan parti-parti pembangkang Islam dan sekular di bawah dua perikatan iaitu Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat untuk menentang Barisan Nasional. Beliau telah menyentuh dengan agak mendalam terhadap isu-isu yang diperjuangkan oleh Semangat 46 sepanjang penentangannya terhadap UMNO (Baru) dan Barisan Nasional. Hubungan Semangat 46 dan PAS tidak dibincangkan secara meluas, sebaliknya beliau banyak menyentuh asas-asas sistem demokrasi dan elemen-elemen demokrasi yang dikaitkan pula dengan sejarah perkembangan parti-parti politik pembangkang di Malaysia.

Mohammad Agus Yusoff (1994) pula dalam bukunya "*Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990*" menumpukan kajiannya terhadap perubahan dan perkembangan politik Kelantan di bawah pemerintahan PAS dan Semangat 46. Kajian beliau agak tertumpu kepada konsep permuafakatan politik di antara kedua-dua parti ini, tetapi agak terbatas kerana hanya melihat kerjasama kedua parti ini dalam konteks pentadbiran Kerajaan Kelantan tanpa menyentuh falsafah hubungan parti dalam lingkungan yang lebih luas dan nyata.

Mohammad Agus Yusoff cuba melihat reaksi kerajaan Persekutuan terhadap pemerintahan PAS dan Semangat 46 di Kelantan dan hubungannya dengan kerajaan Kelantan yang disifatkan sebagai "*love hate relationship*". Beliau menumpukan aspek analisis terhadap strategi PAS dalam Pilihanraya Umum 1990, mengkaji isu-isu tempatan yang dikaitkan oleh parti-parti pembangkang untuk mempengaruhi pengundi dan juga mengkaji faktor kekalahan UMNO di semua kerusi DUN dan Parlimen Kelantan dalam Pilihanraya Umum 1990. Walaupun kajian ini nampaknya amat menarik, tetapi ia tidak menggambarkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap hubungan antara kedua parti yang saling berhubungan fungsi ini.

Satu lagi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang mempunyai kaitan dengan hubungan Semangat 46 dan PAS dalam konteks Kerajaan Kelantan. Abdul Rahim Ismail (1994) dalam kajiannya yang bertajuk "*Reformasi Pentadbiran dan Politik: Perspektif Pegawai Kerajaan Terhadap Kerajaan Baru Kelantan*", beliau menekankan aspek analisis terhadap sikap penduduk Kelantan terhadap kerajaan baru Kelantan selepas Pilihanraya Umum 1990 sehingga kini, proses perancangan dan pelaksanaan polisi Kerajaan APU, pelaksanaan manifesto (PAS) dan beberapa isu semasa. Bagaimanapun analisis beliau tidak menekankan aspek hubungan PAS dan Semangat 46 sebagai dua kuasa kuasa politik dalam mentadbirkan Kelantan. Yang ditekankan adalah antara Kerajaan Kelantan dengan pengundi yang memilih kerajaan tersebut. Unsur dalam praktik politik di antara Semangat 46 dan PAS umpamanya konflik politik tidak ditimbulkan oleh beliau.

Kajian ilmiah berkaitan dengan pesefahaman politik antara PAS dan Semangat 46 secara objektif dan kritikal masaih belum dilakukan oleh kalangan pengkaji-pengkaji luar. Hanya kedapatan sedikit sebanyak di dalam ruangan kolumnis majalah-majalah asing seperti Asiaweek, Time dan lain-lain yang menyentuh peranan politik antara PAS dan Semangat 46 dalam konteks budaya dan persoalan politik Melayu secara keseluruhannya.

1.7 Kepentingan Kajian

Setakat ini, masih belum ada lagi kajian yang cuba untuk menyelami permasalahan hubungan Semangat 46 dan PAS ini secara lebih objektif dan komprehensif. Adalah wajar kajian ini dilakukan untuk mengupas persoalan tersebut yang bukan sahaja menarik minat ramai penganalisis tempatan, malahan juga pemerhati dari luar yang turut memberi pandangan dan analisa mereka terhadap perkembangan politik Malaysia.

Kajian ini adalah satu usaha penting untuk mengetengahkan maklumat dan kefahaman tentang politik Malaysia yang sedang menuju kematangannya. Hubungan Semangat 46 dan PAS ini walaupun tidaklah begitu lama, namun ia memberikan suatu pengertian sebenar terhadap demokrasi yang diamalkan di negara ini. Fenomena yang dicetuskan ini memberi bukti bahawa terdapat ruang yang amat luas dalam makna demokrasi di Malaysia.

Kajian ini juga dapat memperjelaskan bahawa kejayaan dalam kerjasama kedua-dua buah parti ini menunjukkan bahawa kehadiran pembangkang di negara masih relevan dan ia adalah isyarat kepada Barisan Nasional bahawa mandat dua pertiga yang diperolehinya sepanjang pemerintahannya sejak merdeka perlu digunakan dengan sebaik-baik mungkin.

Kajian ini juga diharapkan akan menjadi suatu rekod sejarah tentang pergolakan politik bangsa Melayu yang menjadi teras politik Malaysia. Kajian ini mungkin akan dapat merintis jalan bagi penyelidikan yang lebih teliti dan mendalam terhadap pergolakan politik Melayu. Pergolakan politik Melayu ini adalah manifestasi yang amat berkait rapat dengan keseluruhan dinamika politik, sosial dan ekonomi Malaysia. Dengan sedikit pendedahan ini, akan sedikit sebanyak menyumbangkan kesedaran dan ikhtibar daripada peristiwa yang telah berlaku terhadap masa depan politik orang Melayu di negara ini.

1.8 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji banyak berhadapan dengan pelbagai masalah sepanjang berusaha menyiapkannya. Tajuk kajian ini walaupun pada asasnya amat menarik minat orang ramai, namun pengkaji sentiasa berhadapan dengan pandangan-pandangan yang berat sebelah. Kebanyakan individu yang ditemubual mempunyai pandangan yang tersendiri menurut kepentingan parti politik yang disokongnya. Jarang terdapat individu yang mempunyai kecenderungan yang lebih realistik dan bersifat akademik apabila berhadapan dengan perkara ini.

Demikian juga dengan perolehan data, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan daripada buku-buku politik yang dihasilkan oleh penulis-penulis politik adalah bersifat berat sebelah mengikut kepentingan mana-mana parti dengan tujuan propaganda. Kadangkala tidak relevan dan kurang nilai akademik.

Masalah yang paling ketara adalah kesukaran bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada ahli-ahli politik popular kerana mereka amat sibuk dengan urusan rasmi dan tidak rasmi mereka. Pengkaji hanya berpeluang mendapatkan maklumat daripada golongan ahli politik pertengahan dan juga bantuan daripada pusat pentadbiran dan penerangan parti seperti UMNO dan PAS. Pengkaji sukar mendapatkan maklumat yang jelas daripada parti Semangat 46 kerana ketika kajian ini dibuat, parti semangat 46 sudah dibubarkan dan tidak mempunyai organisasi rasmi lagi untuk memudahkan pengkaji mendapatkan sebarang maklumat sebagaimana UMNO dan PAS.

Pengkaji juga menghadapi masalah daripada segi kewangan untuk membantu menjalankan kajian dengan lebih teratur dan berkesan. Memandangkan penulis tidak mendapat sebarang bantuan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan, pengkaji terpaksa membahagikan masa dengan sebijaknya di antara penyelidikan dengan pekerjaan sementara.

1.9 Susunan Bab

Kajian ini mencakupi enam bab. Bab pertama adalah pengenalan kepada kajian ini yang memberikan penerangan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, skop kajian, metodologi kajian, ulasan bahan, masalah kajian dan akhir sekali adalah susunan bab.

Pada bab kedua, pengkaji akan menerangkan pengenalan kepada disiplin politik dan politik Malaysia. Ia merangkumi definisi politik, perkembangan disiplin kajian politik, penyertaan politik, parti politik, latar belakang politik Malaysia dan sejarah perkembangan parti-parti politik pembangkang Melayu di Malaysia.

Bab ketiga akan menumpukan kepada sejarah kewujudan Parti Semangat 46 dalam politik Malaysia dan bagaimana bermulanya hubungan parti tersebut dengan PAS. Pengkaji akan meninjau sebab-sebab munculnya Semangat 46 melalui kajian sejarah perkembangan krisis UMNO, Krisis 24 April 1987, penubuhan Semangat 46, penubuhan Angkatan Perpaduan Ummah dan kerjasama politik kedua-dua parti menjelang Pilihanraya Umum 1990.

Pada bab keempat, pengkaji akan meninjau ke atas pengaruh hubungan PAS dan Semangat 46 terhadap perkembangan politik Malaysia. Kajian akan menumpukan ke atas kepentingan Pilihanraya Umum 1990, isu-isu politik dalam kempen pilihanraya, keputusan dan analisa Pilihanraya Umum 1990. Kajian juga

akan meninjau punca kekalahan PAS-Semangat 46 dalam pilihanraya ini dan faktor kemenangan mereka di Kelantan. Pada bahagian ini juga , kajian akan menumpukan perkembangan politik dalam kerajaan campuran PAS dan Semangat 46 di Kelantan. Tumpuan akan diberikan ke atas pembaharuan dan kerjasama pentadbiran antara Semangat 46 dan PAS dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua parti.

Pada bab kelima, perhatian ditumpukan pula terhadap krisis antara Semangat 46 dan PAS. Kajian akan menumpukan ke atas faktor-faktor yang menyebabkan punca berlakunya krisis. Penulis juga akan meninjau keputusan pilihanraya kebangsaan 1995 dan perkembangan krisis selepas penggal kedua pemerintahan APU di Kelantan. Akhir sekali, penulis akan meninjau perkembangan yang menyebabkan terputusnya hubungan ini, pembubaran Parti Semangat 46 dan penyertaan semula ke dalam UMNO.

Pada bab terakhir, akan mengulas kembali kajian ini dengan membuat rumusan. Pengkaji akan meninjau kesan hubungan ini ke atas demokrasi di Malaysia. Penulis akan membuat komentar dengan merumuskan keseluruhan kajian ini dan diakhiri dengan beberapa saranan daripada pengkaji.